

Riwayat Hidup Ulama Islam yang Kebilangan

Sheikh Ibrahim Musa

Pelopor Kebangkitan Islam di Minangkabau

Sesudut dari riwayat hidup seorang ulama besar dan tertua di seluruh Sumatera digambarkan dengan jelas oleh tuan “Tamar Jaya” dalam karangannya ini -P.Q.

(oleh: Tamar Jaya)

Di antara sekian banyaknya alim ulama besar yang menjadi pelopor dan juru perubahan di Minangkabau semenjak permulaan kurun yang kedua puluh, sekarang tinggal dua orang sahaja lagi, iaitu Sheikh Ibrahim Parabik dan Shah Abbas Padang Japang. Yang lainnya, sudah meninggalkan kita, seperti Almarhum Dr Abdul Karim Amrullah, Dr Abdullah Ahmad, Zainuddin Labay, Syeikh Muhammad Jamil Jambiqi, Syeikh Daud Rashidi, Sheikh Abdul Rashid Maninjau, Syeikh Jalaluddin Rajau Indah, Syeikh Muhammad Taib Sungayang, Syeikh Abdul Mu'in Sianuq. Mereka inilah pelopor kebangkitan Islam di Minangkabau yang dahulunya bekerjasama menciptakan suatu iqlim baharu dalam agama, dengan membuka madrasah-madrasah dan tabligh-tabligh di tempatnya masing-masing, bagi mengeluarkan pemuda-pemuda angkatan baharu Islam, sesuai dengan kemajuan zaman. Pekerjaan beliau-beliau itu sudah banyak sekali hasilnya, sehingga Minangkabau sekarang merupakan sumber ilmu pengetahuan agama yang beraliran muda bagi seluruh Sumatera.

Penuntut-penuntut yang belajar dalam tiap-tiap madrasah itu, telah bertabur ke seluruh nusantara dalam berbagai-bagai jabatan dan kedudukan. Ada yang menjadi guru agama, mubaligh,

wartawan, pengarang, ahli politik dan lain-lainnya. Apa yang diberikan beliau-beliau itu di dalam sekolahnya masing-masing, tidaklah mencanggungkan dalam kehidupan di dunia ini. Dalam pada itu, kelihatanlah pemuda-pemuda tersebut menjadi duta Islam yang besar di mana-mana membawa faham baharu dan semangat perjuangan bagi bangsa dan tanah air kita. Semenjak tahun 1912 di Parabik telah terdiri madrasah yang dipimpin oleh Syeikh Ibrahim Musa, sejalan dengan madrasah yang dibangunkan oleh Dr Haji Abdullah Ahmad Padang Panjang, demikian juga yang kemudian terdiri di mana-mana oleh alim ulama yang disebutkan tadi.

Mereka ingin mengembalikan umat Islam ke jalan yang benar menurut ajaran Islam yang sebenarnya. Pengaruh taqlid, khurafat dan masalah-masalah khilafiah yang diketengahkan oleh alim ulama golongan tua atas desakan pemerintah penjajah Belanda, dengan segala kekuatan dihentam oleh golongan muda ini sehingga akhirnya golongan muda merebut kemenangan gilang gemilang di Minangkabau. Sekolah-sekolah yang didirikan sebagai perintis itu, mula-mulanya berdiri sendiri-sendiri sahaja, kemudian disatukan menjadi “*tawālib*” (Thawalib) yang amat terkenal di Indonesia,

***** Perguruan-perguruan Islam *****

Di seluruh Indonesia

Menurut punca rasmi bahawa jumlah masjid-masjid, dan perguruan-perguruan Islam di seluruh Indonesia adalah seperti di bawah ini:

Masjid	55,618	buah
Langgar (surau)	221,116	“
Madrasah Agama	8,563	“
Sekolah-sekolah lanjutan Islam	663	“
Murid-murid Madrasah	11,927,777	orang
Murid sekolah lanjutan Islam	87,932	“

dikunjungi oleh pemuda-pemuda Islam dari Sabeng sampai Kemaruk. Dari Thawalib Kedin menjadi “Permi” (Permi) iaitu parti politik Islam yang terkenal radikal, yang pada tahun 1933 telah mengorbankan tiga orang pimpinannya dibuang ke Degol. Hasil dari pendidikan madrasah itulah yang telah membuka jalan ke politik umumnya di Minagkabau. Sekarang kita dapat menyaksikan bagaimana banyaknya pemimpin dari Minagkabau yang duduk sebagai pemimpin-pemimpin parti politik dalam berbagai aliran, adalah bekas keluaran “Thawalib” (madrasah Islam) itu.

Syeikh Ibrahim Musa ialah salah seorang yang masih hidup sampai saat ini, dan masih terus berjuang di dalam madrasahnyanya di Parabik (Parabek) yang setiap tahun mengeluarkan pemuda-pemuda Islam progresif beratus-ratus jumlahnya. Itulah jasa beliau yang tidak akan dilupakan.

Barangkali untuk seluruh Sumatera, beliauah sekarang ulama terbesar dan tertua, bahkan ulama yang paling zuhud dan soleh. Dalam kesempatan ini, kami dari “Himpunan Pengarang Islam” merasa perlu menyatakan ikut dalam kegembiraan memperingati ulang tahun beliau yang ke tujuh puluh lima ini. Di Parabik sendiri, baharu-baharu ini, bekas-bekas pelajar madrasah itu telah mengadakan suatu upacara sambutan besar, memperingati hari ulang tahun beliau dan kemudian diterbitkan sebuah buku “Riwayat Hidup Beliau” yang lengkap, yang di dalamnya dibincangkan jasa-jasa beliau selama setengah kurun dalam menegakkan keyakinan dan mendirikan madrasahnyanya di Parabik hingga sekarang. Seorang pejuang Islam yang besar zaman ini, seorang ulamayang kukuh kuat perdiriannya, tak mudah terpengaruh dengan pangkat dan kedudukan. Fatwanya selalu berdasarkan Quran dan Hadith. Ibadatnya ikhlas, dan terhitung seorang ulama yang amat tinggi mutunya dalam soal-soal agama, dalam segala seginya.

Dengan ini inginlah kita semua pencinta Islam mendoakan ke hadrat Ilahi Rabbi, mudah-mudahan usia beliau dipanjangkan Allah, dan usaha kerjanya sentiasa mendapat balasan zahir batin.

Usaha kerjanya selama 50 tahun (setengah kurun) itu, moga-moga mendapat berkat sehingga merupakan amal yang sebesar-besarnya bagi beliau amin.

Demikianlah kami menghantarkan beliau ke pintu gerbang perjuangan Islam selanjutnya.

(Disiarkan oleh “Himpunan Pengarang Islam” Jakarta)